

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/1992**

=====

**LAPORAN KEMAJUAN BULANAN PROSES PERMOHONAN  
PENGAMBILAN BALIK TANAH DI SELURUH DAERAH  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

-----

Sepertimana yang telah diputuskan dalam mesyuarat Ketua-ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah pada 7hb. Mei, 1992 berhubung dengan Laporan Kemajuan Bulanan Proses Permohonan Pengambilan Balik Tanah, maka sukacita dikembarkan bersama-sama ini format seperti di Lampiran 'A' dan 'B' untuk tindakan tuan selanjutnya.

2. Format seperti di Lampiran 'A' adalah berhubung dengan laporan kemajuan bulanan proses pengambilan balik tanah bagi setiap daerah di Negeri Selangor sementara format seperti di Lampiran 'B' adalah berhubung dengan laporan kemajuan bulanan bagi kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah.
3. Laporan bulan sebagaimana yang dimaksudkan di atas adalah bertujuan untuk mengemaskinikan data dan rekod berhubung dengan proses pengambilan balik tanah sama bagi maksud projek-projek Persekutuan atau Projek Negeri yang dilaksanakan di Negeri Selangor. Sebagaimana yang telah dipersetujui laporan tersebut hendaklah dikemaskinikan daripada awal tahun 1992 sehingga sekarang.
4. Laporan mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan seterusnya pada setiap bulan ke Pengarah Tanah dan Galian, Selangor untuk tindakan selanjutnya.

Sekian.

T.T  
**(HAJI IDRIS BIN DENAN)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Selangor Darul Ehsan.  
**Shah Alam.**

Bertarikh: 23hb Mei, 1992

Bil. (78A)dlm. PTG. Sel. 32 PT (Semt)

**Edaran kepada:**

Semua Pentadbir Tanah Daerah dan Timbalan Pendaftar  
Hakmilik Negeri Selangor Darul Ehsan